

**MODUL PINTAS  
TINGKATAN 5  
BAHASA MELAYU  
Kertas 2**

**1103/2**

$2\frac{1}{2}$  jam

Dua jam tiga puluh minit

---

---

**PERATURAN PEMARKAHAN  
BAHASA MELAYU K2  
1103/2**

**BAHAGIAN A: APLIKASI DAN SISTEM BAHASA**  
**[35 markah]**

Jawab semua soalan.

Soalan 1 : 6 markah

Soalan 2 : 8 markah

Soalan 3 : 9 markah

Soalan 4 : 6 markah

Soalan 5 : 6 markah

**Soalan 1 : MORFOLOGI**

1. Berikan 1 markah bagi setiap perkataan yang disenaraikan dengan betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
3. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
4. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
5. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
6. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
10. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

**Kata majmuk**

Bil.	Jawapan contoh	Maksud / makna kata
i.	<i>Tingkah laku</i>	<i>Gerak geri , perlakuan, perbuatan (langkah atau perangai)</i>
ii.	<i>Daya tahan</i>	<i>Kemampuan untuk mempertahankan diri atau bertahan daripada sesuatu ancaman ( bahaya, penyakit dan sebagainya)</i>
iii.	<i>Tanggungjawab</i>	<i>Kewajipan yang dipikul oleh seseorang, segala yang wajib ditanggung. Sesuatu (seperti tugas) yang mesti dilakukan.</i>
iv.	<i>warganegara</i>	<i>Rakyat sesebuah negara ( yang terdiri daripada penduduk asli ataupun orang asing yang telah diterima menjadi rakyat mengikut undang-undang.</i>

[6 markah]

## Soalan 2 : SINTAKSIS

Tukarkan ayat susunan biasa yang bergaris kepada ayat susunan songsang.

Bil.		Jawapan Contoh
i.	<i>Malaysia mempunyai kepelbagaian biologi flora dan fauna.</i>	<i>Mempunyai kepelbagaian biologi flora dan fauna, Malaysia.</i>
ii.	<i>Harimau dan badak merupakan spesies haiwan liar yang semakin terancam</i>	<i>Merupakan spesies haiwan liar yang semakin terancam harimau dan badak.</i>
iii.	<i>pembakaran hutan secara terbuka menyumbang kepada peningkatan suhu sekali gus mengancam haiwan liar.</i>	<i>menyumbang kepada peningkatan suhu sekali gus mengancam haiwan liar pembakaran hutan secara terbuka.</i>
iv.	<i>Sektor penyelidikan dan pembangunan bertindak menubuhkan bank genetik bagi menyimpan DNA haiwan terancam.</i>	<i>bertindak menubuhkan bank genetik bagi menyimpan DNA haiwan terancam sektor penyelidikan dan pembangunan.</i>

[8 markah]

## Soalan 3 : PENYUNTINGAN

Skema jawapan cadangan

Bil	Kesalahan bahasa	Pembetulan
i.	<i>astro nomi</i>	<i>astronomi</i>
ii.	<i>terbesar sekali</i>	<i>terbesar</i>
iii.	<i>diametar</i>	<i>diameter</i>
iv.	<i>daripada</i>	<i>dari</i>
v.	<i>pelbagai objek-objek</i>	<i>pelbagai objek / objek-objek</i>
vi.	<i>kerana</i>	<i>untuk</i>
vii.	<i>pencerahan</i>	<i>kecerahan</i>
viii.	<i>Pertemuan</i>	<i>penemuan</i>
ix.	<i>galeksi-galeksi,</i>	<i>galaksi-galaksi</i>

[9 markah]

#### Soalan 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

<b>Bil</b>	<b>Jawapan Cadangan</b>
<i>i</i>	<i>Setelah empat puluh dua tahun Sultan Muzaffar Syah memerintah kerajaan, baginda mangkat.</i>
<i>ii</i>	<i>Anakanda baginda iaitu Raja Abdullah, telah naik takhta untuk menggantikan pemerintahan ayahanda baginda dengan gelaran Sultan Mansur Syah.</i>
<i>iii</i>	<i>Umur baginda ketika mula memerintah ialah dua puluh tujuh tahun.</i>
<i>iv</i>	<i>Baginda telah berkahwin dengan anak kepada Seri Nara Diraja yang bernama Tun Patih Nur Pualam.</i>

[ 6 markah ]

#### PEMARKAHAN SECARA HOLISTTIK

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>
CEMERLANG	5 - 6
BAIK	3 - 4
MEMUASKAN	1 - 2

#### Soalan 5 : PERIBAHASA

Senaraikan **tiga** peribahasa sahaja, kemudian bina ayat daripada peribahasa tersebut.

<b>Bil.</b>	<b>Peribahasa</b>	<b>maksud</b>
<i>i.</i>	<i>melentur buluh biarlah dari rebungnya</i>	<i>Hendak mengajar atau mendidik anak-anak biarlah ketika usianya masih kecil kerana apabila anak sudah besar susah untuk si anak menerima teguran (lebih susah untuk mendidik mereka)</i>
<i>ii.</i>	<i>menatang minyak yang penuh</i>	<i>Memelihara anak dengan penuh kasih sayang. Memperlakukan sesuatu dengan berhati-hati.</i>
<i>iii.</i>	<i>sudah terhantuk baharu hendak</i>	<i>Sesudah mendapat kesusahan baru</i>

	<i>tengadah</i>	<i>hendak beringat-ingat.</i>
<i>iv.</i>	<i>seperti enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing</i>	<i>Mementingkan diri sendiri, tidak bersepakat.</i>

[ 6 markah ]

### **BAHAGIAN B: PEMAHAMAN**

[35 markah]

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

#### **Perhatian bagi Soalan 6 dan soalan soalan 7**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**.

#### **Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman dan Soalan Novel 8 (i)**

1. Soalan 2 markah:

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis (3 isi)	4
-Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis (3 isi) - Isi tidak cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat masih gramatis (2 isi)	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis (1 isi)	2
- Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis (1 isi)	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

**Soalan 6: PETIKAN UMUM**

i. Maksud rangkai kata *mempromosikan produk*

- menggalakkan /meningkatkan jualan sesuatu barang/perkhidmatan 2m
- mempromosikan sesuatu barang/perkhidmatan 1m
- menggalakkan/meningkatkan jualan produk 1m

ii. Kelebihan-kelebihan

- P1 perniagaan ini memudahkan pengguna dan peniaga 1m
- P2 menjimatkan kos/modal yang rendah 1m
- P3 tidak perlu mempunyai ruang pejabat/menyewa bangunan 1m

**(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksima:3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

iii. Impak negatif

- P1 peniaga menghantar barangan yang tidak berkualiti kepada pengguna
- P2 pembeli atau penjual berisiko untuk ditipu
- P3 menggalakkan sikap boros /membeli mengikut nafsu

**(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksima:3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

iv. Tindakan saya

- P1 memujuk mereka dengan memberitahu kebaikan berniaga dalam talian 1m  
P2 menawarkan diri untuk membantu mereka memulakan perniagaan 1m  
P3 meyakinkan mereka dengan menunjukkan contoh-contoh perniagaan  
lain yang telah berjaya 1m

**(Jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[Maksima: 4 markah]  
[Isi cukup: 3 isi]

**Soalan 7: PETIKAN SASTERA**

i. Maksud rangkai kata *berhati gundah*

-dukacita/bersedih 2m

ii. Ciri-ciri pahlawan Melayu

- P1 mempunyai sikap bersatu-padu dan bekerjasama 1m  
P2 mempunyai semangat perjuangan yang tinggi 1m  
P3 sanggup berkorban nyawa demi negara 1m  
P4 mempunyai sifat berani 1m

[Maksima:4 markah]  
[Isi cukup: 3 isi]

iii. Langkah-langkah kerajaan

- P1 memberi bantuan secara bersasar 1m  
P2 memberi bantuan kewangan 1m  
P3 menyediakan pinjaman kepada pengusaha/majikan 1m  
P4 melonggarkan syarat pinjaman 1m  
P5 membuka sektor ekonomi secara berperingkat 1m  
P6 memberi kebenaran pengeluaran wang KWSP 1m

**(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

[Maksima: 3 markah]  
[Isi cukup: 2 isi]

iv. Tindakan saya

P1 memberi teguran secara berhemah	1m
P2 menasihati /berbincang/memujuk	1m
P3 menerangkan rasional menyertai pertandingan tersebut	1m
P4 memintan bantuan guru kelas	1m

**(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

[Maksima: 4 *markah*]  
[Isi cukup: 3 isi]

### **Soalan 8: NOVEL**

**(i) : Perkara-perkara**

P1 menjadi besan ahli koporat yang sangat berpengaruh di Bandar Raya Kuching	1m
P2 bermenantikan seorang peguam	1m
P3 bijak atau petah bercakap/ berkata-kata	1m
P4 merangkap pengurus kewangan syarikat	1m

[Maksimum 4 *markah*]  
[Isi cukup : 3 isi]

**Soalan 8 (ii) : Pengajaran kasih sayang**

**Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa**

**1. Kita hendaklah sayang akan tanah air yang menjadi tempat kita bernaung.**

Contoh: Leftenan Adnan yang bertugas sebagai guru sanggup meninggalkan kerjaya sebagai seorang pendidik semata-mata untuk memasuki bidang ketenteraan demi perasaan cinta akan tanah air.

**2. Kita haruslah sayang akan anak-anak dengan memberikan pendidikan yang secukupnya.**

Contohnya: Mak Milah dan Pak Saidi menyayangi anak-anaknya iaitu Adnan, Ahmad dan Amarullah dengan memberi perhatian dan kasih sayang yang secukupnya. Kesemua anaknya diberikan didikan agama, ilmu kepahlawanan dan pendidikan Inggeris.



**3. Kita haruslah menyayangi ahli keluarga kita dengan memastikan keselamatan mereka.**

Contohnya: Leftenan Adnan sangat sayang akan isterinya, Sofea dan berasa sayu ketika ingin meninggalkannya di Sungai Ramal sebelum dia berangkat ke Singapura untuk berjuang menyekat kemaraan tentera Jepun.

**4. Kita perlulah menyayangi ibu bapa kita dengan akur segala permintaan mereka.**

Contohnya: Leftenan Adnan sayang akan ibu bapanya, Pak Saidi dan Mak Milah apabila sanggup memenuhi kehendak ibu bapanya dengan mengahwinkan dia dengan Sofea walaupun dia tidak bersetuju pada awalnya.

### **Novel Tirani**

**1. Kita hendaklah menyayangi pasangan hidup kita.**

Contoh: Waheeda amat menyayangi suaminya, Zahid. Dia sanggup berhadapan dengan Zahid yang kuat cemburu. Apabila Zahid meninggalkan dia dan anak mereka, dia sangat sedih sehingga mengalami kemurungan. [1+1]

**2. Kita hendaklah mengamalkan perasaan kasih sayang untuk mempererat hubungan antara ahli keluarga.**

Contohnya: Raidah sanggup menemani Waheeda ketika mendapatkan rawatan dan khidmat kaunseling atas penyakit kemurungannya di Pusat Rawatan Islam. (PUSRAWI) Kuala Lumpur. [1+1]

**3. Kita haruslah menyayangi ahli keluarga yang ditimpa musibah dengan memberikan sokongan moral.**

Contohnya: Datin Hazirah membawa seimbangan bunga dan sekeping kad ucapan yang kononnya daripada Zahid untuk menjaga perasaan menantunya yang baru melahirkan anak. [1+1]

**4. Kita perlulah menyayangi anak-anak dengan memberi kasih sayang sepenuhnya walaupun tanpa kehadiran seorang ayah.**

Contohnya: Waheeda amat menyayangi anaknya Izzati dengan memberi pendidikan dan kasih sayang yang sebaiknya walaupun terpaksa membesarkan anaknya seorang diri. [1+1]

**\*Mana-mana pernyataan dan contoh yang bersesuaian diterima**

[Maksimum isi: 4 markah]

[Maksimum Bahasa: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

**BAHAGIAN C: RUMUSAN**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20 markah**
- (b) Bahasa - **10 markah**

(a) **Isi** [20 markah]

**Nota**

- a. Panduan mengira perkataan
  - (i) Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
    - i. nama khas
    - ii. perkataan berulang
    - iii. penggunaan kata depan *di* dan *ke*
    - iv. tarikh
    - v. angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
    - vi. gelaran
  - (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.
  - (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
  - (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja. **8 isi mestilah terdiri daripada 2 bahan yang diberi**.

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	09 - 10 07 - 09	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 08 - 11	06 - 07 04 - 06	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	01 - 07	01 - 04	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang **120** perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah Bahasa, **Maksimum: 10 markah**]

**Pendahuluan**

Markah

- |    |  |   |
|----|--|---|
| P1 | Rumusan membincangkan usaha-usaha membudayakan inovasi dan kebaikan inovasi kepada negara. | 2 |
| P2 | Rumusan membincangkan usaha-usaha membudayakan inovasi                                     | 1 |
| P3 | Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan inovasi kepada negara                              | 1 |

P4 Rumusan membincangkan pembudayaan inovasi kepada negara 0

**Bahan 1 Fokus 1 : Usaha membudayakan inovasi**

- 1 Unit Inovasi Khas (UNIK), Jabatan Perdana Menteri, ditubuhkan pada Ogos 2010 2
- 2 pelancaran Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional 2012 2
- 3 menjanakan modal insan yang berkompentensi dan mampu menguasai bidang sains dan teknologi 2
- 4 kerajaan turut menyediakan pengiktirafan untuk menggalakkan inovasi 2
- 5 MOSTI sentiasa berusaha memberikan galakan kepada rakyat menerusi penyediaan pembiayaan dana 2

**Bahan 1 Fokus 2 : Kebaikan inovasi kepada negara**

- 1 mampu memperkasakan negara (1) dan penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian (1) 2
- 2 inovasi berupaya menjana pertumbuhan utama negara 2
- 3 melahirkan murid yang berfikiran kreatif dan kritis 2
- 4 mampu meningkatkan penyertaan masyarakat 2

**Bahan 2 Fokus 1 : Kebaikan inovasi kepada negara**

- 1 menjaga ekosistem dan alam sekitar terpelihara 2
- 2 mengurangkan kebergantungan kepada manusia 2
- 3 Meluaskan pasaran produk 2
- 4 Meningkatkan kualiti hidup 2

## **Kesimpulan**

- |    |  |   |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, semua pihak harus berkerjasama membudayakan inovasi dalam kehidupan supaya negara akan maju | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, semua pihak harus berkerjasama membudayakan inovasi dalam kehidupan.                        | 1 |
| K3 | Kesimpulannya, pembudayaan inovasi menjamin kemajuan negara.   | 0 |